

24 APRIL 2018

Jumpa ganja, heroin dalam kereta lelaki 21 tahun

Jumpa ganja, heroin dalam kereta lelaki 21 tahun

Johor Bahru: Lelaki berusia 21 tahun ditahan selepas polis menemui ganja, heroin dan syabu dalam keretanya di Iskandar Puteri dekat sini, pada Khamis lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Johor Asisten

Komisioner Lukas Aket berkata, ganja seberat 26,220 gram, 1,350 gram heroin dan 250 gram syabu yang bernilai RM101,000 ditemui dalam pemeriksaan jam 7 malam itu.

Menurutnya, suspek po-

sitif dadah tetra hydrocannabinol (THC) dalam ujian saringan awal air kencing dan mempunyai rekod lampau.

"Polis merampas Toyota Vios dan wang tunai RM1,500," katanya ketika sidang media di Ibu Pejabat

Polis Kontinjen (IPK) Johor di sini, semalam.

Lukas berkata, suspek di reman tujuh hari hingga Jumaat ini bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Sementara itu, Jabatan

Siasatan Jenayah Narkotik Johor sejak awal tahun ini menahan 4,895 individu berkaitan dadah membabitkan rampasan 277.09 kilogram dadah bernilai RM12.56 juta dan sitaan berjumlah RM5.34 juta.



LUKAS